

## Staf Dari Sri Lanka Terima Sijil Eksekutif CPD

Unit Komunikasi Korporat

Wed 11/8/2017 1:48 PM

To: UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>; UUM - All Students <studentnet@uum.edu.my>;



**Unit Komunikasi Korporat**  
CORPORATE COMMUNICATION UNIT  
**Universiti Utara Malaysia**



08 NOVEMBER 2017 / 19 SAFAR 1439H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah  
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

### STAF DARI SRI LANKA TERIMA SIJIL EKSEKUTIF CPD





**UUM ONLINE:** Seramai 35 staf dari Sri Lanka yang berjaya menamatkan pengajian menerima sijil masing-masing pada Majlis Penyampaian Sijil Eksekutif *Continuous Professional Development (CPD) For Sri Lanka In-Service Teachers*, di EDC Hotels & Resorts, UUM, malam tadi.

Menurut Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak, program ini bertujuan memantapkan kecekapan tenaga pengajar di samping meningkatkan keberkesanan pengajaran agar lebih efektif.

"Tahniah diucapkan kepada peserta yang berjaya melengkapkan program 16 hari di UUM, walaupun terpaksa berjauhan dengan keluarga tersayang selama berminggu-minggu namun masih mampu memberi komitmen untuk menimba ilmu dan ilmu ini perlu di bawa pulang untuk diaplikasikan di sana nanti.

"Penguasaan ilmu amat penting apatah lagi di era Revolusi Perindustrian 4.0 (4IR) yang menyaksikan letusan teknologi maklumat berdepan dengan new millenia yang mahu semua dilakukan pantas dengan mendapat maklumat hanya di hujung jari," ucapnya.

Justeru katanya, penguasaan teknologi serta latihan yang berterusan amat penting dalam menghadapi arus perdana masa kini.

"Sebagai guru kita perlu selalu mengingatkan pelajar tentang banyak perkara dan menggalakkan mereka melakukan perubahan kerana guru kelas pertama akan melahirkan pelajar kelas pertama," luahnya.

Selain modul disampaikan oleh tenaga pengajar berpengalaman dan peserta teruja dalam aktiviti yang dijalankan sepanjang program termasuklah lawatan ke Kuala Lumpur, Sekolah Sukan Bukit Jalil, sekolah di Kedah dan Pulau Langkawi.

**DARIPADA:**  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061  
☎ 04-928 3053  
✉ ukkuum@uum.edu.my  
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.